

25 JUL 1999

MAHATHIR-ASING

MAHATHIR: WANG BAGI TUKAR RINGGIT KEPADA MATAWANG ASING MENCUKUPI

LANGKAWI, 25 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa negara mempunyai wang yang mencukupi bagi penukaran ringgit kepada matawang asing sekiranya para pemegang saham asing membawa keluar wang mereka dari Malaysia.

"Kami langsung tidak mempunyai masalah jika mereka mengeluarkan wang, banyak yang akan kekal kerana dana-dana asing masih datang," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sesi dialog dengan kumpulan wartawan Korea selepas menyaksikan pemeterian memorandum persefahaman (MoU) antara Tema Teladan Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan Emkay, dan Golden Life Resort Bhd.

MoU itu adalah untuk pembelian 220 unit banglow, rumah kecil dan pangsapuri di Langkawi Lagoon, di sini.

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata beliau tidak fikir akan berlaku aliran keluar dana secara mengejut kerana kebanyakan pembeli adalah penduduk tempatan.

Perdana menteri juga ditanya samada beliau bimbang dengan jualan aktif yang berlaku di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) Jumaat lepas yang dilihat seolah-olah para pemegang saham asing mengeluarkan dana mereka sebelum 1 Sept, tarikh tamat moratorium terhadap dana-dana portfolio.

"Saya tidak bimbang kerana Indeks Komposit (CI) BSKL berada pada 260 mata beberapa bulan lepas dan lebih 800 mata hari ini.

"Biasanya sedikit pembetulan berlaku, biasanya pengambilan untung yang kecil berlaku dan biasanya pasaran memberi reaksi kepada situasi antarabangsa dan pasaran saham (antarabangsa)."

Beliau berkata pemegang saham asing boleh membawa wang mereka keluar kerana negara ini tidak mempunyai masalah dengan situasi ini.

Jumaat lepas, harga di BSKL ditutup lebih rendah secara menyeluruh berikutan tekanan jualan akibat kelemahan bursa-bursa serantau.

Nilai saham merosot akibat kejatuhan ketara di Wall Street berikutan andaian kemungkinan pengerusi Rizab Persekutuan Amerika Syarikat Alan Greenspan akan menaikkan kadar faedah.

CI lega 21.43 mata untuk menutup minggu lepas pada 808.34.

Seorang peniaga berkata pasaran berada pada fasa pembetulan yang sihat dan ia "berehat" selepas kenaikan ketara dua minggu lepas. -- BERNAMA

JM JR